



Penantian empat tahun mangsa banjir berakhir

KOTA TINGGI 23 Nov. - Penantian hampir empat tahun penduduk enam kampung di daerah ini yang menjadi mangsa banjir besar pada 2006 dan 2007 berakhir apabila kediaman baru menerusi projek penempatan semula siap sepenuhnya dan bakal diduduki tidak lama lagi.

Projek penempatan semula melibatkan 360 rumah bernilai RM56.5 juta di kawasan 19.42 hektar di Batu 2, Jalan Lombong itu adalah untuk mangsa dari Kampung Tembloh, Kampung Makam, Kampung Kelantan, Kampung Panti, Kampung Sungai Berangan dan Kampung Batu 25.

Seorang mangsa banjir, **Kamariah Hussin, 70**, dari Kampung Ke-

lantan berterima kasih kerana dipilih menerima rumah baru bagi menggantikan rumah usangnya sebelum ini.

"Rumah saya musnah dihanyutkan arus deras ketika banjir besar pada hujung 2006. Hancur luluh hati saya apabila melihat rumah peninggalan arwah suami yang didiami sejak usia 18 tahun hilang dalam kejadian itu," katanya yang tidak sabar lagi untuk memasuki rumah baru yang dibina Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Siti Aminah Sukandar, 69, dari Kampung Batu 25 di sini turut bersyukur dan mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan membela nasib rakyat yang tidak

berkemampuan sepertinya.

"Saya tidak pernah terfikir dapat peluang untuk tinggal dalam rumah yang sangat selesa seperti ini. Terima kasih kepada kerajaan," kata ibu kepada sembilan anak itu.

Warga emas, **Bidin Nordin, 74**, dari Kampung Tembloh berkata, banjir yang melanda tahun lalu menyebabkan dia kehilangan rumah dan terpaksa menumpang di rumah anak perempuannya.

"Kalau boleh saya tak mahu menyusahkan sesiapa mahupun anak sendiri. Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah kerana penantian mendapatkan rumah selama hampir empat tahun kini berakhir," katanya.



HALIMAH Mohamed Sadique (berdiri, tengah) mengucapkan tahniah kepada seorang penerima bertuah orang kurang upaya, **Norizan Yahya** pada Majlis Undian Lot Rumah Mangsa Banjir di Kota Tinggi, kelmarin.